

**UCAPAN PERASMIAN
MAJLIS PECAH TANAH BAGI PROJEK PEMBINAAN
KOMPLEKS PENGUJIAN SEMULA PELEPASAN ASAP DARI
KENDERAAN BERMOTOR, STOR SEMENTARA BAHAN
BUKTI KES-KES MAHKAMAH DAN STOR PERALATAN
TEKNIKAL JABATAN ALAM SEKITAR**

**DI ATAS LOT 2055 DAN 2056, MUKIM TEJA, DAERAH KINTA,
PERAK**

4 MAC 2009

OLEH

**Y. BHG. DATO' HAJAH ROSNANI IBARAHIM
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA**

Saudari Pengerusi Majlis,

**Yang Berbahagia Timbalan Ketua Pengarah (Operasi),
Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak**

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Alam
Sekitar**

Dato'- Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin sekalian,

Asalamualaikum dan selamat pagi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak, kerana menjemput saya untuk hadir sama serta merasmikan majlis pada pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah sudi melapangkan masa untuk bersama-sama berada ditapak projek ini bagi menjayakan Majlis Pecah Tanah Cadangan Projek Pembinaan Kompleks Pengujian Semula Pelepasan Asap dari Kenderaan Bermotor, Stor Sementara Bahan Bukti Kes-Kes

Mahkamah dan Stor Peralatan Teknikal Jabatan Alam Sekitar. Setinggi-tinggi penghargaan saya kepada Jabatan Pengairan dan Saliran, khususnya Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama yang begitu baik sebagai agensi pelaksana projek dalam membantu Jabatan Alam Sekitar mencapai status pelaksanaan projek ini seperti yang dijadualkan. Terimakasih juga saya ucapkan kepada pihak kontraktor yang telah dilantik atas kerjasama yang telah dan akan diberikan untuk menjayakan projek ini.

Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Sepertimana kita semua sedia maklum bilangan kenderaan di negara kita semakin meningkat pada tahap hampir 10% setiap tahun. Jumlah kenderaan yang kian meningkat ini perlu dikawal dari aspek pelepasan pencemar dari ekzos kenderaan bagi menjaga kualiti udara kita untuk kesejahteraan dan kesihatan awam.

Oleh itu, adalah amat penting bagi pemandu serta tuan punya kenderaan serta pengusaha-pengusaha kenderaan perdagangan sama ada kenderaan diesel ataupun petrol memastikan semua kenderaan mereka diservis atau diselenggara dengan sempurna. Penyelenggaraan yang berjadual hendaklah dilaksanakan supaya kenderaan tidak melepaskan gas-gas pencemar dan asap hitam yang berlebihan.

Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Antara objektif pelaksanaan projek ini adalah:

- Menyediakan tapak pengujian semula bagi kenderaan berenjin petrol dan diesel dan untuk pemeriksaan bunyi bising motorsikal;
- Menyediakan tapak penstoran dan penyimpanan sementara bahan bukti kes-kes mahkamah yang masih dalam siasatan;
- Menyediakan tapak untuk stor peralatan teknikal yang digunakan untuk menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan dan pengawasan;
- Mewujudkan pusat pemeriksaan kenderaan bagi tujuan pembaharuan lesen pengangkut buangan terjadual; dan
- Menyediakan tempat letak sementara kenderaan yang disita kerana melanggar undang-undang alam sekitar.

Komponen utama projek ini ialah pembinaan bangunan kompleks di atas tanah berkeluasan 3.67 ekar di atas Lot 2055 dan 2056, Mukim Teja, Daerah Kinta, Perak berserta dengan kemudahan sokongan dan seterusnya perolehan peralatan teknikal bagi menjalankan ujian.

Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Projek pembinaan kompleks di sini merupakan **Projek Pertama** yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah peruntukan projek

pembangunan RMK9. Ini akan diikuti dengan projek di Alor Gajah, Melaka yang dijangka akan dapat dimulakan pada petengahan tahun ini.

Jabatan Alam Sekitar sedar tentang kesulitan kepada pemilik kenderaan yang hendak melakukan ujian semula pelepasan asap/gas dari kenderaan mereka yang mana pada masakini dilaksanakan di lokasi-lokasi yang tidak tetap seperti di kawasan-kawasan tanah lapang. Oleh itu, di bawah RMK10 Jabatan Alam Sekitar bercadang untuk meneruskan projek ini di setiap negeri diseluruh negara.

Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Adalah diharapkan dengan pelaksanaan projek ini akan dapat meningkatkan kecekapan kakitangan Jabatan dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan ke atas pelepasan asap/gas dan bunyi bising daripada kenderaan bermotor dan juga masalah untuk penstoran sementara bahan bukti kes-kes mahkamah yang masih didalam siasatan pihak Jabatan dapat diatasi. Dengan itu akan meningkatkan lagi produktiviti kerja pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar mencapai kepuasan hati pelanggan.

Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Dengan adanya kemudahan ini, saya juga berharap ianya dapat mempertingkatkan lagi kesedaran orang ramai khususnya pemandu dan tuan punya kenderaan tentang tanggungjawab mereka untuk menyelenggara kenderaan masing-masing dengan baik sepanjang masa

demikian untuk memelihara kualiti udara kita sentiasa bersih dan bebas dari sebarang pencemaran asap kenderaan.

Akhir sekali, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim dan sukacitanya merasmikan Majlis Pecah Tanah Bagi Projek Pembinaan Kompleks Pengujian Semula Pelepasan Asap dari Kenderaan Bermotor, Stor Sementara Bahan Bukti Kes-Kes Mahkamah dan Stor Peralatan Teknikal Jabatan Alam Sekitar.

Sekian.

Terima kasih.